

## Syed Syeikh Al-hadi: Pejuang Mata Pena Melayu

**Syed Mohammed Al-hady B Syed Ahmad Al-hady,**

Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kedah, [syalhady506@kedah.uitm.edu.my](mailto:syalhady506@kedah.uitm.edu.my)

**Azfahanee Zakaria,**

Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Kedah, [azfa292@kedah.uitm.edu.my](mailto:azfa292@kedah.uitm.edu.my)

**Syed Izzuddin Al-hady, Syed Haniff Al-hady, Sharifah Az Zahra Alhady**

### ABSTRAK

Syed Syeikh Al-hadi bin Syed Ahmad Hasan Al-Hadi adalah seorang reformis dan wartawan ulung Melayu Islam dilahirkan pada 22 November 1867 di Hulu Melaka dan mamgkat pada 20 Febuari 1934. Ibunya seorang Melayu dan bapanya seorang arab yang berasal dari Hadhramawt, Yaman. Mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Melaka, dan di sekolah pondok di Kuala Terengganu. Berhijrah mengikut keluarganya dan melanjutkan pengajian di Pulau Penyengat, Riau dengan mendalami ilmu agama, sastera dan budaya dari bapa angkatnya, Raja Haji Ali Kelana. Beliau menipukan semangat perubahan dan kebangkitan menentang penjajah melalui pemikiran dan penulisannya. Beliau menerbitkan majalah al-Imam (1906), al-Ikhwan (1926) dan Saudara (1928) dan seterusnya mengusahakan percetakannya sendiri, Jelutong Press di Pulau Pinang. Antara karya-karya beliau ialah kitab al-Tarikh al-Islami (1922), Hikayat Faridah Hanum, (1925), Alam Perempuan (1930), Tafsir Juz Amma (1927), Tafsir al-Fatihah (1928) serta novel yang berlatar belakangkan kehidupan moden di Timur Tengah, seperti Hikayat Setia 'Ashek kepada Ma'shok-nya, siri cerita mata-mata gelap Rokambul (7 jilid) dan Anak dara Ghasan, jilid 1-2. (1959).

**Kata Kunci :** Syed Sheikh, Pemikiran, Penyelidikan, Perjuangan

### LATAR BELAKANG

Syed Syeikh Alhadi bin Ahmad Hasan Al-Hadi adalah seorang reformis dan wartawan ulung Melayu Islam yang dilahirkan pada 22 November 1867 di Hulu Melaka. Ibunya seorang Melayu dan bapanya seorang arab yang berasal dari Hadhramawt, Yaman. Syed Syeikh Al-Hadi mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Melaka, dan di sekolah pondok di Kuala Terengganu.

Pada usia 7 tahun, beliau berhijrah mengikut keluarganya ke Pulau Penyengat, Riau. Empayar Riau-Lingga pada masa itu merupakan kota kesultanan dan pusat kebudayaan yang agung yang telah membentuk kerangka pemikiran dan pandangan dunianya yang luas sebagai pusat kepada percambahan ilmu politik, sosial, agama dan kesusasteraan, Pada permulaan penghijrahan Syed Syeikh ke Riau, beliau hanya menumpukan kepada pengajian asas Bahasa Melayu dan Agama Islam. Semasa di sini juga, Syed Syeikh mendapat perhatian istimewa dari Raja Haji Ali Kelana bin Yang Dipertuan Muda Muhammad Yusuf al-Ahmadi yang juga merupakan seorang pengarang dan agamawan dan diambil sebagai anak angkat dan tinggal di istana. Raja Ali Haji adalah seorang pengarang yang terkenal dengan kitabnya "Silsilah Melayu dan Bugis dan segala raja-raja, Tuhfat al-Nafis dan lain-lain.

Seterusnya Syed Syeikh yang mendapat gelaran "Wan Anum" mula menyerlah kepandaian dan ketekunan dalam mempelajari ilmu pengetahuan. Setelah tamat mempelajari asas Bahasa Melayu dan Agama Islam, beliau telah dibawa ke Terengganu oleh bapa saudaranya iaitu Syed Muhammad Alhadi B Syed Hasan Alhadi untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang agama.

Semasa di Terengganu, minat Syed Syeikh kepada pelajaran mulai merosot dan banyak menghabiskan masa bersama kerabat di raja memandangkan bapa saudaranya adalah seorang rakan baik kepada sultan. Menyedari kemelut ini, Raja Ali Haji yang merupakan bapa angkat beliau, memanggil Syed Syeikh pulang ke Riau dan memulakan pengajian Bahasa Melayu, kebudayaan dan agama secara sepenuh masa.

Sepanjang keberadaan kali kedua di Riau, Syed Syeikh juga telah beberapa kali dibawa ke Mekah dan Beirut oleh keluarga Raja Ali Haji. Peluang ini tidak dilepaskan oleh Syed Syeikh dengan menimba ilmu dari Sayid Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Redha yang merupakan tokoh mujaddid yang besar dan telah menggerakkan perubahan yang signifikan di dunia Islam pada abad ke 19.

## PEMIKIRAN

Secara umumnya, pemikiran Syed Syeikh banyak dipengaruhi oleh semangat yang revolusioner yang berlandaskan Islam yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh khurafat dan bida'ah. Falsafah pemikirannya dipengaruhi secara langsung dari pengaruh al-Manar dan gagasan Pan Islamisme yang dicetuskan oleh Sayid Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Redha al-Afghani.

Ia memperjuangkan aspirasi pembaharuan yang diilhamkan oleh Ibn Taimiyah dan muridnya Ibn Qayyim al-Jawziyah pada kurun ke 7H. Pemikiran Muhammad Abduh yang menzahirkan aspirasi pembaharuan yang kental dan inspiratif itu mengilhamkan Syed Syeikh untuk meneruskan cita-cita perjuangan yang revolusioner di Tanah Melayu.

Syed Syeikh Alhadi merupakan seorang yang tidak pernah merasa penat dan jemu dalam menuntut ilmu. Beliau seorang yang akan sentiasa bertanya dan percaya setiap jawapan perlu berdasarkan fakta. Hal ini menyebabkan Syed Syeikh hanya akan berguru dengan orang yang dapat menjelaskan sesuatu perkara berdasarkan logic dan fakta. Beliau sentiasa mengingatkan sahabat-sahabatnya tentang keperluan untuk mendengar soalan dan seterusnya menjawab dengan terang dan jelas supaya soalan yang ditanya terjawab dan dapat difahami.

Pemikirannya adalah berasas kepada pandangan yang kritis dan mendalam, yang mengilhamkan kesedarannya untuk meneliti dan menyelidik kitab-kitab mazhab dan turath, seperti dicatatkan oleh puteranya, Syed Alwi dalam surat persendiriannya: "Selain daripada menuntut ilmu dengan berguru, almarhum itu lebih gemar meluaskan pengetahuannya dengan banyak membaca kitab-kitab, buku-buku, majalah-majalah dan surat khabar Melayu dan Arab, walaupun semasa itu ia belum lagi cukup pengetahuannya dalam bahasa Arab."

Semasa di Pulau Penyengat, Syed Syeikh mula mempersoalkan dan memberi tentangan secara terbuka kepada guru-guru agama yang mengajar ajaran yang tidak berlandaskan Islam atau yang memasukkan kepercayaan-kepercayaan karut dalam ajaran Islam. Bagi Syed Syeikh, Islam adalah agama yang murni dan penganutnya mestilah bersifat rasionalis, menggunakan intelek dan ilmu untuk menyelesaikan masalah praktikal, dan tidak berpegang kepada doa dan air jampi sahaja.

Putera beliau iaitu Syed Alwi mencatatkan, bahawa Syed Syeikh dan dua orang sahabatnya iaitu Shaikh Abd Allah B Ahmad Al-Magribi dan Shaykh Tahir Jalaluddin al-Azhari telah bersetuju menjalankan kajian tentang Tariqat Taslim atau Matahari yang telah lama bertapak di Pulau Pinang di atas permintaan dari "Khalifa" tariqat itu sendiri. Persetujuan telah diberikan dengan syarat apa jua kebenaran yang didapati hasil kajian mestilah diterima oleh kedua-dua pihak. Setelah tamat kajian tentang Tariqat ini siap dibuat, Syed Syeikh memanggil semua Khalifa Tariqat dan pengikut-pengikutnya berkumpul di Masjid Jamek Jelutong dan mengistiharkan Tarikat Taslim adalah terkeluar dari Islam dengan membawa bukti, fakta dan kitab-kitab rujukan. Para hadirin

diberi peluang untuk bertanya dan berdebat bagi memastikan semua hadirin berpuas hati. Akhirnya keputusan dicapai dengan semua para hadirin mengucapkan kalimah syahadah

## **PERJUANGAN**

Syed Syeikh Al hadi berjuang untuk menegakkan keadilan sejagat bagi semua manusia berlandaskan agama Islam yang syumul. Dalam perjuangannya menggerakkan perubahan, beliau banyak menumpu kepada pendidikan dan penulisan sebagai wahana perjuangannya yang utama. Beliau meniupkan semangat nasionalisme dan pembaharuan, menyeru kepada perjuangan memertabatkan agama.

### **Pendidikan**

Sebagai seorang yang amat menghargai ilmu, Syed Syeikh Al Hadi menyedari bahawa pendidikan adalah medandan bekal ke arah pembinaan jiwa yang murni. Justeru itu, beliau telah menubuhkan satu sistem persekolahan sendiri dengan menubuhkan Madrasah Iqbal Islamiyyah di Seligi Road, Singapura pada 4 Februari 1908. Setelah dua tahun ditubuhkan sekolah itu terpaksa ditutup disebabkan perselisihan faham antara ibu bapa dengan guru dan beberapa masalah lain.

Peristiwa dan pengalaman itu tidak mematahkan semangatnya dan selepas itu beliau pulang ke Melaka dan mendirikan Madrasah Al-Hadi di Bandar Kaba pada tahun 1917. Madrasah Al-Hadi ini menggunakan bahasa pengantar Arab. Madrasah ini terkenal dengan pengaruh gerakan radikal pada zaman penjajah dan ianya juga tidak dapat bertahan lama.

Setelah gagal dalam penubuhan madrasah kali kedua, Syed Syeikh berhijrah ke Pulau Pinang dan berjaya menubuhkan madrasah Al Mashoor Islamiyyah di Tek Soon Street, Pulau Pinang pada 1919. Berkat usaha dan bantuan daripada teman-temannya, akhirnya madrasah tersebut telah menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang penting ketika itu. Perpindahan beliau ke Pulau Pinang telah membuka lembaran baru kepada perjuangannya untuk mereformasikan umat Islam menerusi aliran pembaharuan yang menggalakkan pemikiran kritis di kalangan umat Islam. Madrasah ini merupakan madrasah yang paling awal memasukkan subjek Bahasa Inggeris di dalam silibusnya.

Kemunculan Madrasah Al Mashoor adalah antara madrasah yang awal yang kekal hingga kini. Malah madrasah ini telah melahirkan beberapa pemimpin dan tokoh yang disegani seperti Dr Buharnuddin Al Helmy mantan Yang DiPertua Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Haji Abu Bakar Ashaari (Perlis). Pengaruh pendidikan ini telah melebar dengan luasnya di serata pelusuk negara hingga tertubuhnya Madrasah Idrisiah, Perak yang dipopori oleh Syeikh Abdullah Maghribi pada tahun 1934 dan beberapa buah lagi madrasah yang tumbuh di Tanah Melayu.

### **Penulisan**

Dalam kerjayanya sebagai pengarang, beliau telah menghasilkan tulisan dan karya yang prolific yang telah mencetuskan pemikiran baru dalam literasi melayu, khususnya novel. Daripada penulisan-penulisan inilah Syed Syeikh Al Hadi telah menyebarkan fahaman dan idea-idea ke arah pembaikpulih umat Melayu dan seterusnya meningkatkan taraf orang Melayu yang krtikal ketika itu. Beliau telah berusaha dengan gigihnya untuk menyedarkan orang Melayu betapa pentingnya untuk bangun dan berusaha dan bukannya sekadar bermalas-malasan.

Berikut adalah antara hasil tulisan beliau:

1. al-Tarikh al-Islami (1922)

2. Anak Dara Ghasan (1925)
3. Alam Perempuan (1930)
4. Tafsir Juz Amma (1927)
5. Tafsir al-Fatihah (1928)
6. Hikayat Setia 'Ashok kepada Ma'shok-nya atau Shafik Afandi dengan Faridah Hanum
7. Siri cerita mata-mata gelap Rokambul (7 jilid).
8. al-Iman (1906)
9. al-Ikhwān (1926-1931)
10. Saudara (1928-1941)

### Kata-kata Hikmat

“Sedarlah daripada lalai kamu wahai sekalian saudara.Sanya telah kelamalah tipu daya kebodohan dan terbit cahaya pengetahuan.Tengok.Lihat.Dan perhatikan.Apakah yang telah diperbuat oleh kaum bangsa yang jaga itu? Meruntuhkan bukit yang besar-besar, membangunkan bangunan di padang yang rata, menjadikan lautan itu daratan, dan daratan itu lautan...maka mana-mana bangsa yang berpengetahuan serta bekerja ianya nescaya menjadi penghulu-lah ianya. Dan mana-mana kaum yang bodoh dan pemalas nescaya fana'lah ianya...leburkan diri kamu ke dalam kawah pengetahuan dan bantingkan tulang kamu ke atas landasan pekerjaan; kemudian peliharalah olehmu akan anak-anak kamu atas gemarkan keduanya daripada kecilnya.”  
(*Al-Ikhwān, penggal 1, jil. 1, 16 september 1926*)

“Wahai sekalian ikhwan timur yang sedang lenyak di dalam tidurnya, wahai sekalian saudara kami yang sedang lena bersedap-sedap di dalam keelokan mimpinya.Memadalah.memadalah. Memadalah tidurmu itu kerana telah melampaui sangatlah sudah daripada sempadan mengambil kesenangan badan dan hampir-hampirlah pula masuk kamu kepada bilangan pingsan atau orang mati yang bernafas.Bangunlah segera.Sapuluh mata daripada bekas tidur yang membunuh itu.”  
(*Al-Ikhwān, penggal 1, jil. 1, 16 september 1926*)

“Tidakkah menjagakan kamu bunyi taufan yang berdentung ini?Dan tidakkah membangunkan kamu goncang segala pohon kayu dan bangunan-bangunan yang dipalu oleh tiupan ini? Sehingga putus asal sama sekali hati orang yang mengharapi akan jaga kita yang hendak memberi peringatan akan kita?...atau akal kita ini telah terkena penyakit sebar tidak terasa dan tidak memberi bekas kepadanya apa-apa pandangan dan pendengaran?”  
(*Al-Ikhwān, jil. 2, 16 Oktober 1926*).

“Tiada syak lagi sekalian penjaja-penjaja agama dan penjual-penjual azimat atau penjinjit tasbih atau pemusing akal perempuan dan segala pengikutnya akan mengatakan saya dengan sebab karangan saya ini seberapa daya upayanya daripada segala perkataan yang jahat-jahat, tetapi tiada saya endah akan perkataan mereka itu selama saya menyeru dengan seruan Qur'an. Kepada Allah jua saya bergantung”  
(*Syed Sheikh AlHadi, Saudara, 27 Oktober 1928*)

“Wahai Saudara- Apa sukakah tuan-tuan menjadi ahli-ahli kubur sebelum mati? Ataupun menjadikan watan kita ini umpama padang-padang yang sunyi sama sekali isinya daripada ahli-ahli iman yang kasih akan watannya?”  
(*Syed Syekh Alhadi, Saudara, 10 April 1932.*)

“Bukanlah kita jumlahkan daripada pelajaran-pelajaran yang dikatakan (menurut ilmu Allah) sebagaimana di pondok-pondok dan surau atau di serambi-serambi masjid itu tetapi yang kita maksudkan, iaitu pelajaran yang sebenar-benarnya. Islam menuntut dan memahamkan hukum hakam dan pengetahuan-pengetahuan adab dan ketukangan, kepandaian di dalam perusahaan perniagaan dan pergaulan hidup serta ubat-ubatan jua sebagaimana yang dapat dikenali daripada tawarikh-tawarikh dan kitab-kitab pengetahuan Islam ini semenjak kezhahirannya di dalam pimpinan yang dibenarkan dan disukai oleh tuntutan agama yang sebetul-betulnya dahulu dan sekarang.”  
(*Syed Syeikh Alhadi, Saudara, 21 Mac 1934*)

Apa, dapatkah lari lagi akal yang menuntut kebenaran, daripada mengaku bahawa sa-benar-benarnya ada Tuhan yang sangat-sangat berkuasa atas tiap-tiap suatu dengan sebab ada segala tanda-tanda kuderat-kuasa-Nya itu dipandang dan dapat di-rasa serta dapat di-perhati dengan mata kepala dan mata hati yang menggunakan akal.”  
(*Syed Syeikh Al Hadi, “Islam dan akal” Cetakan semula 1965*)

“membebaskan manusia dalam kehidupannya daripada takut dengan kuasa-kuasa lain atau tenaga lain selain daripada sebab-musabab yang dicipta oleh Allah untuk beroperasi dalam dunia ini kerana kuasa Allah mengatasi segala-galanya. Oleh itu, manusia tidak perlu takut kepada kuasa atau tenaga yang dikaitkan dengan kayu, batu, berhal, kubur, hantu dan syaitan.”(Syed Syeikh al-Hadi, 1965: 70).

“Teringatkan kaum dan bangsa dan tanah ayer-nya di dalam pemerintahan bangsa yang lain kerana kebodohan orang-orang besar dan ketua-ketua agama-nya yang telah meninggalkan perkataan Allah dan Rasul-Nya, berpegang kepada segala orang yang tiada diturunkan oleh Tuhan wahyu wajib ia-nya yang telah membawa pechah-belah kaum Islam ini di-dalam perkara ugama dan perkara dunia-nya.” (Faridah Hanum, 1964: 135)

“Adapun kita dengan kebodohan dan kesombongan sekalian laki-laki kita dikeluarkan oleh itu dua bahagian daripada perhimpunan kaumnya, iaitulah sebanyak bilangan perempuannya tidak dibenarkan oleh mereka itu sekalian perempuannya masuk bercampur bagi berusaha sama pada mempunyai ikhtiar membantukan kemajuan kaumnya, hanyalah dipaksa oleh mereka itu tinggal selama-lamanya di dalam sifat kuda tunggangannya menunggu dan berhias dengan segala alatan yang menggemarkan menunggangnya sahaja.” (Faridah Hanum, 116-117)

## KESIMPULAN

Syed Sheikh al-Hadi (1867-1934) adalah seorang ulama dari kalangan elit Hadrami yang telah berjaya mencetuskan pemikiran baru dengan mengapungkan faham pembaharuan dan reformasi Islam seperti yang telah dipelopori oleh Abduh di Mesir. Beliau turut menyebarkan faham pembaharuan ini melalui majalah al-Imam, al-Ikhwan dan Saudara yang meniupkan semangat perubahan dan kebangkitan dalam menentang penjajah yang kemudiannya menjadi pemangkin kepada perjuangan menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu, pada awal tahun 1920-30 an.

Dalam perjuangannya yang berliku-liku terutamanya di bidang pendidikan, beliau telah meninggalkan legasi yang penting dan pengaruh yang mendalam kerana lebih diingati sebagai seorang wartawan yang menyedarkan anak bangsa tentang

agama dan perjuangan. William Roff dalam *The Origins of Malay Nationalism*: "Walaupun dalam kerjayanya yang panjang dan rencam, beliau (al-Hadi) telah menjadi peguam syar'i, pendidik, saudagar dan penerbit, ianya dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan yang beliau menyerlah dan dengan mana sosoknya dikenang hari ini."

#### **BIBLIOGRAPHY:**

- Adibah Sulaiman, Ezad A., Kamaruzaman J., Noor I., Wan K., Wan M., Zinatul A. (2011) *Middle-East Journal of Scientific Research 7 (Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East)*: 14-21, 2011
- Alhady, S.M. (1999). *Syed Shaykh: Through the prism of a child's eyes and the al-Hady clan*. In *The real cry of Syed Shaykh al-Hady*, Edited by Alijah Gordon. Malaysian Sociological Research Institute, Kuala Lumpur, pp: 85-108.
- Gordon, A., (1999). *The real cry of Syed Shaykh al-Hady*. Malaysian Sociological Research Institute, Kuala Lumpur
- Talib Samat, (1992). *Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan progresif Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Talib Samat, (1996). *Syed Syeikh al-Hadi: Pelopor pendidikan Islam terawal di Pulau Pinang*. In *Perkembangan pengaruh Islam di Pulau Pinang*, Edited by In *Perkembangan pengaruh Islam di Pulau Pinang*, Edited by Badriyah Salleh & Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, Pulau Pinang, pp: 20-47.
- Tan, Linda, (1999). *Syed Shaykh: His life and times*. In *The real cry of Syed Shaykh al-Hady*, Edited by Alijah Gordon. Malaysian Sociological Research Institute, Kuala Lumpur, pp: 109-162.
- Yahaya Ismail, (1972). *Syed Sheikh Ahmad Alhadi: Reformis, ahli fikir, novelis progresif*. Dewan Sastra, Sastra, pp: 3(49): 53